

Fungsi JAKOA mesti distruktur semula

← **Dari MUKA SEPULUH**

Masyarakat Orang Asli Kawasan Pinggir 2002; *The Report of Pilot Project on Curriculum of Education Among Orang Asli and Penan People Kurikulum Orang Asli/Penan (KAP) 2009*; Laporan Status Hak Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli oleh SUHAKAM 2011 (terdapat 11 Syor); Laporan Tahunan SUHAKAM 2011 (tentang KAP); Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Masyarakat Orang Asli di Pinggir Bandar (2003-2007); Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli Kebangsaan, 2012 (7 inisiatif); Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli 2011-2015 (Teras 1: Pembangunan Modal Insan- KE-DAP, KAP) dan Pelan Pengu-

nan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (meneruskan program KAP).

Semua dokumen ini memberikan saranan dan panduan bagi memperkemas sistem pendidikan Orang Asli. Isunya masih sama, iaitu pelaksanaan tidak komprehensif dan bersepadu.

Justeru, sudah tiba masanya kerajaan memastikan pelaksanaan dokumen perlu dipertingkatkan agar matlamat pembelaan orang asli tercapai.

Tak abai amalan sosiobudaya
Dalam kata lain, semua isu dan masalah dihadapi pelajar anak Orang Asli perlu diselesaikan dengan segera, tanpa mengabaikan amalan sosiobudaya mereka.

Selain kegagalan melaksanakan semua tuntutan dalam dokumen,

mahupun dasar sedia ada, pembelaan Orang Asli juga banyak bergantung kepada keberkesanan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Dicadangkan agar peranan JAKOA disemak semula dan satu jabatan khas dikendalikan wakil yang dipilih oleh masyarakat Orang Asli diwujudkan.

Cadangan ini selaras syor SUHAKAM dalam Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli dan hasrat komuniti berkenaan.

Lantas, penstrukturan semula JAKOA bukan lagi satu pilihan, tetapi kemestian. Peralihan JAKOA daripada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah ke Jabatan Perdana Menteri, adalah langkah yang boleh diambil kesempatan

bagi melaksanakan penstrukturan baharu JAKOA yang lebih komprehensif.

Laksana semua tuntutan

Sudah tiba masanya kerajaan melaksanakan semua tuntutan dalam dokumen dan dasar sedia ada untuk manfaat masyarakat Orang Asli.

Tidak perlu lagi kajian baharu atas kajian, penelitian baharu atas penelitian. Apa yang lebih penting adalah pelaksanaan terhadap apa yang sudah dikaji dan disyorkan, lebih-lebih lagi semua dokumen dan dasar ini sudah dibentang dan dimajukan kepada pihak bertanggungjawab.

Kerajaan terdahulu sering menegaskan bahawa tidak pernah meminggirkan kepentingan

Orang Asli, namun isu tanah masih kedengaran sehingga kini.

Justeru, kerajaan baharu seharusnya lebih agresif dan mempunyai iltizam politik tinggi dalam menyelesaikan isu Orang Asli.

Kita tidak mahu lagi pisang berbuah dua kali. Jadikan yang lepas sebagai iktibar dan panduan. Segerakan pelaksanaan dasar dan kurangkan retorik politik terhadap masyarakat Orang Asli.

Mengikut statistik dikeluarkan JAKOA, pada 2016 sahaja 150 permohonan kajian mengenai masyarakat Orang Asli direkodkan.

Justeru, ke manakah perginya dapatan kajian yang diluluskan. Ia seharusnya diambil perhatian dan dilaksanakan, bukan sekadar disimpan sebagai paparan di rak buku.